

# → SIHAT



Vaksin MMR


Sebagai langkah awal pencegahan, setiap kanak-kanak diberikan vaksin MMR iaitu measles (campak) mumps (beguk) dan rubella sebanyak dua kali. Sebelum tahun ini, dos pertama pada usia satu tahun dan kedua diberikan ketika kanak-kanak itu berusia tujuh tahun"

**Dr Mohd Feizel Alsiddiq Mohd Fakharuddin,**  
Pakar Perunding Pediatrik dan Neurologi Pusat Perubatan Prince Court



## Asing anak beguk, elak gejala menular

• Serangan yang sebelum ini berkurangan, kini mengganggu kesejahteraan awam



Oleh Norliza Abdullah  
lizz@NSTP.com.my

**S**erangan beguk dilaporkan menular sejak kebelakangan ini yang sebahagian besarnya menyerang pelajar di beberapa sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Gejala yang sebelum ini dikatakan sudah berkurangan, mula mengganggu kesejahteraan awam.

Dalam kes terbaru membabitkan pelajar di beberapa sekolah sekitar Putrajaya, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya dalam kenyataannya sebagai berkata, keadaan masih terkawal.

Beliau menasihatkan ibu bapa mengasingkan anak bagi mengelak daripada gejala terus menular.

Bagi menangani keadaan berkenaan, mereka perlu rasional, jangan panik. Pastikan anak duduk di rumah dan asingkan mereka. Anak hanya dibenarkan ke sekolah apabila sudah disahkan sembuh sepenuhnya.

### Radang kelenjar air liur

Begitu juga dengan pentadbiran sekolah, pengetua perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran mengenai wabak untuk pemantauan sejawarnya. Pelajar perlu dimaklumkan mengenai wabak dan langkah pencegahan awal.

Mengulas situasi berkenaan,

Pakar Perunding Pediatrik dan Neurologi Pusat Perubatan Prince Court, Dr Mohd Feizel Alsiddiq Mohd Fakharuddin, berkata penyakit beguk disebabkan jangkitan virus Paramyovirus.

Beliau berkata, pesakit pada awalnya akan mengalami kesan sakit pada bahagian kepala, demam, letih dan hilang selera makan.

Kedaaan itu katanya, disebabkan kesan daripada bengkok dan keradangan pada bahagian kelenjar air liur di pipi yang dinamakan kelenjar parotid.

### Vaksin MMR cegah serangan

"Setiap kanak-kanak diberikan vaksin MMR iaitu campak, beguk dan rubella sebanyak dua kali.

"Sebelum tahun ini, dos pertama pada usia satu tahun dan kedua diberikan ketika kanak-kanak itu berusia tujuh tahun.

"Lazimnya pihak sekolah dan Kementerian Kesihatan akan mengurangkan suntikan berkenaan," katanya.

Dr Mohd Feizel Alsiddiq yang juga Pensyarah Kehormat, Jabatan Pediatrik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, berkata vaksin MMR ini memberi perlindungan terhadap ketiga-tiga virus berkenaan.

Kajian klinikal katanya, mendapat walaupun MMR bermanfaat memberi perlindungan namun tahap keberkesanannya setakat ini masih tidak menyeluruh.

### Perlindungan sehingga 80 peratus

Penyelidikan juga membuktikan walaupun kedua-dua dos MMR sudah diberi, namun tahap keberkesanannya sekitar 70 hingga 80 peratus.

Jika hanya satu sahaja suntikan diterima, keupayaan vaksin melindungi individu berkenaan hanya-lah sekadar 40 peratus.

Namun jika tidak menerima vaksin MMR ini, kebarangkalian mereka diserang mumps adalah hampir 90 peratus terutama jika berlaku wabak.

Bagaimanapun dalam keadaan berlaku wabak, risiko terkena jangkitan beguk akan meningkat. Jangkitan ini cepat dan mudah merebak menerusi cecair hingus, batuk atau air liur.

Risiko dijangkit meningkat jika seseorang berkongsi peralatan harian antaranya cawan, berus gigi, tuala, ubat gigi dan sikat.

Faktor jangkitan juga boleh diperngaruhi oleh jumlah individu yang diserang berada di sekeliling kita.

### Percikan air liur punca jangkitan

'Viral Load' juga menyumbang kepada risiko antaranya jumlah percikan air liur pesakit kepada orang yang berada di sekeliling mereka.

Proses mengesan seseorang itu diserang ialah dengan menjalankan pemeriksaan klinikal. Apabila mengalami gejala, doktor akan



Bengkok pada kelenjar air liur di pipi.

### Info

### Komplikasi boleh berlaku pada pesakit beguk, namun kemungkinannya begitu rendah

- Jangkitan kuman pada otak (**meningitis**)
- Keradangan testis (**orchitis**)
- Radang ovarii (**oophoritis**)

### Langkah pencegahan

- Pastikan diri sentiasa bersih
- Tingkat kebersihan persekitaran, amalkan etika batuk yang betul

menjalankan prosedur mengambil darah, tanpa perlu mengambil sampel air liur.

Pemeriksaan fizikal juga sudah memadai untuk mengesahkan jangkitan berkenaan.

Memandangkan kes ini tidak begitu kritikal, kebanyakan pesakit tidak perlu menjalani rawatan di hospital, sebaliknya dinasihatkan berehat dan diasingkan di rumah sahaja.

Sepanjang tempoh pemantauan itu juga, pakar akan memberikan ubat bagi mengurangkan gejala demam, sakit kepala dan juga kesan sakit pada bahagian kelenjar air liur.

Pesakit perlu diberi minum air secukupnya bagi memastikan tidak berlaku dehidrasi dan mereka akan sembuh sepenuhnya dalam tempoh satu minggu.

### Awasi tanda kritikal, segera berjumpa doktor

Jika berlaku tanda kritikal seperti muntah-muntah berterusan, sawan, sakit perut yang serius dan letih berlebihan, ibu bapa perlu membawa anak mereka mendapatkan rawatan segera di hospital berhampiran.

Memandangkan virus ini mudah menular, ibu bapa juga perlu lebih bertanggungjawab dengan mengasingkan anak supaya tidak bercampur dengan rakan mereka di luar.

Elakkan daripada membawa pesakit ke tempat tumpuan awam bagi mengelak daripada berlaku penularan wabak.